

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. 1/2007**

**PEMAIKAIAN GARIS PANDUAN MENGENAI PEROLEHAN HARTANAH
OLEH KEPENTINGAN TEMPATAN DAN ASING**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah berhubung dengan peraturan baru Unit Kediaman Oleh Warganegara Asing mengikut Garis Panduan Mengenai Perolehan Hartanah Oleh Kepentingan Tempatan dan Asing.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam siding kali ke 1/2007 pada 03hb Januari 2007 telah bersetuju untuk menerima pakai garis panduan tersebut di atas sebagaimana LAMPIRAN II Pekeliling ini.

3. Oleh itu semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil ingatan bahawa semua permohonan yang melibatkan perolehan hartanah oleh Kepentingan Tempatan Dan Asing perlu mengikut garis panduan tersebut. Di mana perolehan hartanah oleh Kepentingan Tempatan dan Asing yang memerlukan kebenaran FIC mengikut garis panduan itu sahaja yang perlu dirujuk kepada FIC. Manakala permohonan yang tidak dihalang oleh garis panduan tersebut bolehlah terus diproses tanpa dirujuk kepada FIC.

3. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan perlu dibaca bersama dengan Pekeliling PTG 3/1998.

t.t

(DATO' HJ MOHD JAMIL BIN MOHAMED)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

1. Semua Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB Dato' Tuan Guru Menteri Besar
Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar
Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan
Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan
Negeri Kelantan
5. YABrs. Ketua Eksekutif
Perbadanan Kemajian Iktisad Negeri Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU

Bertarikh : 24 Januari 2007

Fail : PTG.KN. 4485/1 Jld.2 (34)



JAWATANKUASA PELABURAN ASING

GARIS PANDUAN MENGENAI PEROLEHAN HARTANAH OLEH KEPENTINGAN TEMPATAN DAN ASING

UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI

**PENJELASAN BERKAITAN PERATURAN BARU BAGI PEMILIKAN
UNIT KEDIAMAN OLEH WARGANEGARA ASING**

Peraturan baru ini melibatkan perkara-perkara berikut :-

- i) Warganegara asing : individu bukan warganegara Malaysia termasuk Pemastautin Tetap;
- ii) Hartanah : unit kediaman yang merangkumi kawasan, premis atau bangunan bagi tujuan tempat tinggal atau penginapan;
- iii) Seunit : satu unit kediaman
- iv) Kegunaan sendiri : digunakan secara peribadi dan bukan untuk tujuan sewa, pajakan atau pelaburan; dan
- v) Tanah : tanah untuk kegunaan kediaman sahaja.

Warganegara asing hanya dibenarkan membeli unit kediaman tidak kurang daripada RM250,000.00. Dalam hal ini, jika tujuan perolehan adalah untuk kegunaan sendiri sahaja, perolehan tersebut tidak memerlukan kelulusan FIC.

Pelaksanaan peraturan baru ini berkuatkuasa mulai 1 November 2006.

Selain daripada apa yang dinyatakan di atas, Garis Panduan FIC Mengenai Perolehan Hartanah Oleh Kepentingan Tempatan Dan Asing dan Garis Panduan FIC Mengenai Perolehan Kepentingan, penggabungan Dan Pengambilalihan Oleh Kepentingan Tempatan Dan Asing masih terpakai dan berkuatkuasa seperti sedia ada.

KANDUNGAN

I	PENGENALAN	1
II.	TARIKH KUATKUASA	1
III.	TAFSIRAN	1
IV.	PEMAKAIAN	4
	Perolehan Hartanah Oleh Kepentingan Tempatan	4
	Perolehan yang Perlu Dimaklumkan Kepada FIC	4
	Perolehan Yang Memerlukan Kelulusan FIC	4
	Perolehan Hartanah Oleh Kepentingan Asing	4
	Perolehan Unit Kediaman Oleh Pemastautin Tetap...	4
	Perolehan Unit Kediaman Oleh Syarikat Perkilangan.	5
	Perolehan Unit Komersil	5
	Perolehan Tanah Pertanian	5
	Perolehan Hartanah Industri	6
	Perolehan Hartanah melalui Lelongan Awam	6
	Pindahmilik Hartanah	6
	Pajakan Hartanah	6
	Pelupusan Hartanah	6
	Cagaran Hartanah Kepada Kepentingan Asing	6
	Perolehan Hartanah Oleh Syarikat Awam	6
V.	PENGECUALIAN	7
	Pengecualian Daripada Mendapatkan Kelulusan FIC	7

Pengecualian Daripada Syarat Perolehan Tetapi Memerlukan Kelulusan FIC	7
VI. SEKATAN	7
VII. SYARAT PEROLEHAN	8
Syarat Ekuiti	8
Syarat Modal Syer	8
Syarat Guna Tenaga	8
Syarat Pembangunan Hartanah	9
VIII. TEMPOH PEMATUHAN SYARAT EKUITI	9
IX. PROSEDUR MENGEMUKAKAN PERMOHONAN	9
Pindahmilik Hartanah Dan Perolehan Unit Kediaman, Unit Komersil Dan Hartanah Industri	10
Perolehan Hartanah Yang Lain	11
Perolehan Hartanah Untuk makluman FIC	11
X. KEPUTUSAN FIC	12
X. ALAMAT SURAT-MENYURAT DAN PERTANYAAN	12

GARIS PANDUAN MENGENAI PEROLEHAN HARTANAH OLEH KEPENTINGAN TEMPATAN DAN ASING

I. PENGENALAN

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan peraturan-peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing (Foreign Investment Committee – FIC) mengenai perolehan hartanah oleh kepentingan tempatan dan kepentingan asing.

II. TARIKH KUATKUASA

2. Garis Panduan ini mula berkuatkuasa pada 21 Mei 2003

III. TAFSIRAN

3. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain :-

Bumiputra ertinya –

- (a) **bagi Semenanjung Malaysia,**

individu Melayu atau Orang Asli sepertimana yang ditakrifkan dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan;

- (b) **bagi Sarawak,**

individu sepertimana yang ditakrifkan dalam Perkara 161A (6) (a) Perlembagaan Persekutuan;

- (c) **bagi Sabah,**

individu sepertimana yang ditakrifkan dalam Perkara 161A (6) (b) Perlembagaan Persekutuan;

hak mengundi	ertinya – (a) bagi syarikat tempatan awam, kuasa mengundi berkaitan dengan modal syer syarikat berkenaan yang boleh digunakan dalam suatu Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa; atau (b) bagi syarikat sendirian berhad, kuasa mengundi dalam syarikat berkenaan;
hartanah	ertinya tanah, tanah beserta bangunan, unit komersial atau unit kediaman;
hartanah industri	ertinya tanah industri, kilang atau lot kilang;
kegunaan sendiri	ertinya digunakan secara peribadi atau operasi sendiri dan bukan untuk tujuan sewa, pajakan atau pelaburan;
keluarga terdekat	ertinya individu yang mempunyai hubungan perkahwinan (suami isteri) atau pertalian darah (datuk, nenek, ibu bapa, adik-beradik dan anak-anak termasuk anak tiri dan anak angkat yang sah);
kepentingan	ertinya pemegangan hak mengundi atau ekuiti atau hak lain ke atas sesebuah syarikat;
kepentingan asing	ertinya sesuatu kepentingan, kumpulan kepentingan bersekutu atau pihak yang bertindak secara bersama merangkumi –

- (a) individu bukan warganegara Malaysia termasuk Pemastautin Tetap; atau
- (b) syarikat atau institusi asing; atau
- (c) syarikat tempatan atau institusi tempatan yang mana pihak di butiran (a) dan/atau (b) memiliki lebih daripada 50% hak mengundi dalam syarikat atau institusi berkenaan;

kepentingan Bumiputra

ertinya sesuatu kepentingan, kumpulan kepentingan bersekutu atau Bumiputra pihak yang bertindak secara bersama merangkumi –

- (a) individu Bumiputra; atau
- (b) syarikat tempatan atau institusi tempatan yang mana Bumiputra memiliki lebih daripada 50% hak mengundi dalam syarikat atau institusi berkenaan;

kepentingan tempatan

ertinya sesuatu kepentingan, kumpulan kepentingan bersekutu atau tempatan pihak yang bertindak secara bersama merangkumi –

- (a) individu warganegara Malaysia; atau
- (b) syarikat tempatan atau institusi tempatan yang mana warganegara Malaysia memiliki lebih daripada 50% hak mengundi dalam syarikat atau institusi berkenaan;

kilang

ertinya bangunan di mana aktiviti pembuatan dijalankan (juga dirujuk sebagai bangunan industri);

lot kilang	ertinya tanah yang terletak dalam zon perindustrian (juga dirujuk sebagai lot industri);
Pemastautin	ertinya individu bukan warganegara Malaysia yang telah diberikan Tetap status Pemastautin Tetap oleh Kerajaan Malaysia;
Perolehan	ertinya sebarang transaksi melibatkan pindah milik hartanah daripada satu pihak kepada pihak lain;
syarikat asing	ertinya syarikat asing seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965;
syarikat tempatan	ertinya syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965;
tanah industri	ertinya tanah yang dikategorikan sebagai tanah industri di bawah Kanun Tanah Negara 1965;
tanah pertanian	ertinya tanah yang dikategorikan sebagai tanah pertanian di bawah Kanun Tanah Negara 1965;
unit kediaman	ertinya kawasan, premis atau bangunan bagi tujuan tempat tinggal atau penginapan; dan
unit komersil	ertinya kawasan, premis atau bangunan yang digunakan bagi maksud perniagaan seperti rumah kedai, kedai pejabat, lot kedai, ruang pejabat, ruang perniagaan atau ruang pameran.

IV PEMAKAIAN

Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada transaksi berikut :-

4. PEROLEHAN HARTANAH OLEH KEPENTINGAN TEMPATAN

Perolehan Yang Perlu Dimaklumkan Kepada FIC

4.1 Perolehan hartanah yang bernilai RM10 juta dan kurang daripada RM20 juta hanya perlu dimaklumkan kepada FIC sekiranya transaksi berkenaan melibatkan pihak-pihak berikut :-

4.1.1 perolehan oleh kepentingan Bumiputra daripada kepentingan Bumiputra yang lain; atau

4.1.2 perolehan oleh kepentingan Bumiputra daripada kepentingan bukan Bumiputra; atau

4.1.3 perolehan oleh kepentingan bukan Bumiputra daripada kepentingan bukan Bumiputra yang lain; atau

4.1.4 perolehan oleh kepentingan tempatan daripada kepentingan asing.

Perolehan Yang Memerlukan Kelulusan FIC

4.2 Perolehan hartanah seperti berikut perlu mendapatkan kelulusan FIC

4.2.1 perolehan hartanah yang bernilai RM10 juta dan kurang daripada RM20 juta oleh kepentingan bukan Bumiputra daripada kepentingan Bumiputra; atau

4.2.2 perolehan hartanah yang bernilai RM20 juta dan ke atas oleh kepentingan tempatan. Perolehan ini hendaklah didaftarkan di bawah sebuah syarikat tempatan dan tertakluk kepada syarat perolehan.

5. **PEROLEHAN HATRANAH OLEH KEPENTINGAN ASING**

- 5.1 Apa-apa perolehan hartanah oleh kepentingan asing termasuk Pemastautin Tetap perlu mendapat kelulusan FIC;
- 5.2 Kepentingan asing hanya dibenarkan memperolehi hartanah yang bernilai melebihi RM150,00 seunit tanpa had bilangan;
- 5.3 Pihak Berkuasa Negeri mempunyai budi bicara mempertimbangkan perolehan berkenaan berdasarkan kawasan atau lokasi hartanah, jenis hartanah dan peratusan yang ditentukan daripada jumlah unit dalam sesuatu projek; dan
- 5.4 Pembiayaan daripada sumber kewangan dalam dan luar Negara dibenarkan bagi semua perolehan hartanah.

Perolehan Unit Kediaman Oleh Pemastautin Tetap

- 5.5 Pemastautin Tetap dibenarkan memperolehi unit kediaman bernilai melebihi RM100,000.

Perolehan Unit Kediaman Oleh Syarikat Perkilangan

- 5.6 Syarikat perkilangan tempatan yang dimiliki oleh kepentingan asing dibenarkan memperolehi unit kediaman bernilai kurang daripada RM150,000 tetapi melebihi RM 60,000 tertakluk kepada syarat unit kediaman digunakan hanya untuk pekerja syarikat berkenaan.

Perolehan Unit Komersil

- 5.7 Perolehan unit komersil yang bernilai kurang daripada RM10 juta oleh kepentingan asing tidak perlu menubuhkan sebuah syarikat tempatan tertakluk kepada syarat hartanah tersebut adalah untuk kegunaan sendiri sahaja.

Perolehan Tanah Pertanian

- 5.8 Kepentingan asing hanya dibenarkan memperoleh tanah pertanian yang bernilai melebihi RM250,000 atau berkeluasan sekurang-kurangnya lima (5) ekar, yang mana lebih tinggi tertakluk kepada syarat perolehan:
- 5.9 Perolehan tanah pertanian oleh kepentingan asing hanya dibenarkan untuk tujuan seperti berikut :-
- 5.9.1 menjalankan aktiviti pertanian secara komersil menggunakan teknologi tinggi atau moden; atau
 - 5.9.2 menjalankan aktiviti pertanian atau industri berasaskan pertanian bagi menghasilkan produk untuk dieksport. Walau bagaimanapun, bagi tujuan ini kelonggaran syarat ekuiti boleh dipertimbangkan.
 - 5.9.3 menjalankan aktiviti pertanian atau industri berasaskan pertanian bagi menghasilkan produk untuk dieksport. Walau bagaimanapun, bagi tujuan ini kelonggaran syarat ekuiti boleh dipertimbangkan.

Perolehan Hartanah Industri

- 5.10 Kepentingan asing dibenarkan memperoleh hartanah industri tanpa had harga dan hendaklah didaftarkan di bawah sebuah syarikat tempatan tertakluk kepada syarat perolehan.

Perolehan Hartanah melalui Lelongan Awam

- 5.11 Kepentingan asing termasuk bank asing dibenarkan memperoleh hartanah melalui lelongan awam bernilai melebihi RM150,000 seunit tertakluk kepada syarat perolehan.

Pindahmilik Hartanah

- 5.12 Pindahmilik hartanah kepada warganegara asing atas balasan kasih sayang perlu mendapat kelulusan FIC dan dibenarkan di kalangan keluarga terdekat sahaja.

Pajakan Hartanah

- 5.13 Pajak hartanah yang tempohnya 10 tahun dan ke atas oleh kepentingan asing memerlukan kelulusan FIC.

Pelupusan Hartanah

- 5.14 Pelupusan hartanah oleh kepentingan asing kepada kepentingan asing yang lain memerlukan kelulusan FIC.
- 5.15 Pelupusan hartanah oleh kepentingan asing kepada kepentingan tempatan yang bernilai kurang daripada RM20 juta hanya perlu dimaklumkan kepada FIC.

Cagaran Hartanah Kepada Kepentingan Asing

- 5.16 Cagaran hartanah di Malaysia kepada kepentingan asing memerlukan kelulusan FIC.
- 5.17 Cagaran hartanah dibenarkan jika kesemua pinjaman yang diperolehi adalah bagi tujuan operasi perniagaan di Malaysia sahaja.

6. PEROLEHAN HARTANAH OLEH SYARIKAT AWAM

- 6.1 Perolehan hartanah oleh syarikat awam yang dibiayai secara tunai perlu mendapat kelulusan FIC.

V. PENGECUALIAN

Pengecualian daripada Mendapatkan Kelulusan FIC

7. Perolehan hartanah yang bernilai kurang daripada RM10 juta oleh kepentingan tempatan tidak perlu mendapat kelulusan FIC.
8. Syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (*Multimedia /super Corridor – MSC*) dibenarkan memperoleh hartanah dalam kawasan MSC tanpa perlu mendapat kelulusan FIC dengan syarat hartanah berkenaan adalah hanya untuk kegunaan operasi syarikat termasuk sebagai kediaman untuk pekerja syarikat berkenaan.

9. Perolehan unit kediaman di bawah Program “Malaysia – Rumah Keduaku”.
10. Pindahmilik hartanah kepada warganegara asing mengikut wasiat atau perintah mahkamah.
11. Perolehan hartanah industri oleh syarikat perkilangan yang dilesenkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk tujuan operasi pengilangan sendiri.

Pengecualian Daripada Syarat Perolehan Tetapi Memerlukan Kelulusan FIC

12. Unit kediaman yang diperoleh untuk kegunaan sendiri.
13. Perolehan satu (1) atau lebih unit hartanah yang bersempadanan yang berjumlah kurang daripada RM10 juta oleh kepentingan asing.
14. Perolehan hartanah industri oleh kepentingan asing untuk tujuan operasi pengilangan sendiri dikecualikan daripada syarat ekuiti sahaja.

VI. SEKATAN

15. Kepentingan asing tidak dibenarkan memperoleh :-
 - 15.1 semua hartanah di bawah kategori kod rendah dan sederhana rendah seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
 - 15.2 semua hartanah di atas tanah rizab Melayu;
 - 15.3 hartanah yang telah diperuntukkan kepada Bumiputra (kuota Bumiputra) dalam sesuatu projek pembangunan hartanah seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
 - 15.4 gerai dan bengkel perkhidmatan; dan
 - 15.5 tanah pertanian yang dibangunkan berasaskan konsep *homestead*.

VII. SYARAT PEROLEHAN

16. Syarat Perolehan merangkumi syarat ekuiti, modal syer, pembangunan semula hartanah dan guna tenaga seperti berikut :-

Syarat Ekuiti

- 16.1 Syarikat yang tidak mempunyai ekuiti Bumiputra atau yang mempunyai ekuiti Bumiputra kurang daripada 30% hendaklah meningkatkan ekuiti Bumiputra ke tahap sekurang-kurangnya 30%. Ekuiti selebihnya boleh dipegang sama ada oleh kepentingan tempatan, kepentingan asing atau secara bersama oleh kedua-duanya;
- 16.2 Syarikat yang telah mencapai pegangan ekuiti Bumiputra 30% atau lebih tetapi kurang daripada 51% akan dikenakan syarat supaya mengekalkan sekurang-kurangnya 30% ekuiti Bumiputra pada setiap masa; dan
- 16.3 Syarikat yang telah mencapai pegangan ekuiti Bumiputra 51% atau lebih, akan dikenakan syarat supaya mengekalkan sekurang-kurangnya 51% ekuiti Bumiputra pada setiap masa.

Syarat Modal Syer

- 16.4 Syarikat tempatan yang dimiliki oleh kepentingan asing dan mempunyai modal berbayar kurang daripada RM250,000 hendaklah meningkatkan modal tersebut kepada sekurang-kurangnya RM250,000 dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat kelulusan FIC; dan
- 16.5 Syarikat tempatan yang dimiliki oleh kepentingan tempatan dan mempunyai modal berbayar kurang daripada RM100,000 hendaklah meningkatkan modal berbayar tersebut kepada sekurang-kurangnya RM100,000 dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat kelulusan FIC.

Syarat Guna Tenaga

- 16.6 Syarikat hendaklah berusaha sedaya upaya untuk melantik dan melatih warganegara Malaysia bagi mencerminkan komposisi penduduk Negara di semua peringkat jawatan.
- 16.7 Sekiranya hartanah yang diperoleh akan dibangunkan sebagai projek perumahan atau komersil, sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah nilai bahan binaan dan alat kelengkapan yang digunakan dalam projek berkenaan hendaklah terdiri daripada bahan tempatan; dan
- 16.8 Syarikat berkenaan hendaklah mengemukakan surat pengesahan daripada perunding bertauliah mengenai jumlah nilai bahan binaan dan alat kelengkapan tempatan yang digunakan dalam projek berkenaan enam (6) bulan selepas projek dimulakan dan apabila projek berkenaan telah siap sepenuhnya.
17. Perolehan hartanah oleh kepentingan asing seperti di bawah hendaklah didaftarkan di bawah sebuah syarikat tempatan dan tertakluk kepada syarat perolehan :-
- 17.1 Perolehan satu (1) unit atau lebih hartanah yang bersempadanan yang berjumlah RM10 juta dan ke atas;
- 17.2 Perolehan keseluruhan bangunan atau keseluruhan projek pembangunan hartanah, tanpa mengira nilainya; dan
- 17.3 Perolehan tanah atau tanah beserta bangunan untuk pembangunan semula secara komersil.

VIII. TEMPOH PEMATUHAN SYARAT EKUITI

18. Syarat ekuiti yang dikenakan, jika ada, hendaklah dipatuhi dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh surat kelulusan FIC atau pada tarikh hartanah mula dibangunkan, mengikut mana terdahulu;

19. Status pematuhan syarat ekuiti hendaklah dilaporkan kepada FIC selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tamat tempoh pematuhan dan/atau apabila diminta oleh FIC; dan
20. Tempoh pematuhan syarat ekuiti boleh dilanjutkan selama satu (1) tahun berdasarkan merit sesuatu kes.

IX. PROSEDUR MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

21. Tanggungjawab mengemukakan permohonan adalah terletak ke atas pembeli. Walau bagaimanapun, permohonan juga boleh diterima daripada pihak penjual.
22. Semua pemohon adalah bertanggungjawab ke atas ketepatan maklumat yang dikemukakan.
23. Semua cadangan dan komunikasi akan dianggap sebagai sulit.

Pindah Milik Hartanah Dan Perolehan Unit Kediaman, Unit Komersil Dan hartanah Industri

24. Bagi cadangan pindah milik hartanah kepada kepentingan asing dan perolehan unit kediaman, unit komersil dan hartanah industri oleh kepentingan asing, setiap permohonan perlu di sertakan dokumen-dokumen berikut :-
 - 24.1 Borang FIC A/2004;
 - 24.2 Satu (1) salinan perjanjian berkaitan;
 - 24.3 Satu (1) salinan Pasport/Kad pengenalan pembeli
 - 24.4 Satu (1) salinan Pasport/Kad pengenalan pejual
 - 24.5 Satu (1) salinan Hak Milik Induk
 - 24.6 Satu (1) salinan Hak Milik Individu;
 - 24.7 Surat Akuan FIC A/2004 yang ditandatangani oleh pembeli, sekiranya individu atau yang ditandatangani oleh Pengerusi/Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif

syarikat atau mana-mana ahli Lembaga Pengarah syarikat atau mana-mana pegawai/individu yang diberi kuasa, sekiranya syarikat (bagi perolehan/pindah milik unit komersil dan hartanah industri); dan

- 24.8 Surat Akuan FIC B/2004 yang ditandatangani oleh pembeli, sekiranya individu atau yang ditandatangani oleh Pengerusi/Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif syarikat atau mana-mana ahli Lembaga Pengarah syarikat atau mana-mana pegawai/individu yang diberi kuasa, sekiranya syarikat (bagi perolehan/pindah milik unit kediaman).

Perolehan Hartanah Yang Lain

25. Bagi cadangan perolehan hartanah yang lain oleh kepentingan tempatan dan kepentingan asing, setiap permohonan perlu disertakan dokumen-dokumen berikut :-
- 25.1 Borang FIC H/2004;
 - 25.2 Borang Proforma 1/2004 dan/atau Proforma 11/2004;
 - 25.3 Satu (1) salinan perjanjian berkaitan;
 - 25.4 Satu (1) salinan surat/lessen daripada kementerian atau agensi Kerajaan (jika berkaitan);
 - 25.5 Satu (1) salinan surat kelulusan bagi cadangan yang sama daripada kementerian atau agensi kerajaan yang lain (jika berkaitan);
 - 25.6 Satu (1) surat pengesahan daripada Setiausaha Syarikat mengenai struktur ekuiti semasa syarikat;
 - 25.7 Satu (1) salinan laporan penilaian hartanah terbaru (transaksi yang melibatkan agensi Kerajaan perlu disertakan laporan penilaian oleh Jabatan Penilaian dan perkhidmatan Harta); dan

25.8 Surat Akuan FIC SA/2004 yang ditandatangani oleh Pengerusi/Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif syarikat atau mana-mana ahli Lembaga Pengarah syarikat atau mana-mana pegawai/individu yang diberi kuasa.

Perolehan Hartanah Untuk Makluman FIC

26. Bagi cadangan perolehan/pelupusan hartanah oleh kepentingan tempatan dan kepentingan asing yang perlu dimaklumkan kepada FIC, surat makluman perlu disertakan dokumen-dokumen berikut :-

26.1 Borang Proforma 1/2004 dan/atau Proforma 11/2004;

26.2 Satu (1) salinan perjanjian berkaitan;

26.3 Satu (1) salinan Pasport/Kad Pengenalan pembeli;

26.4 Satu (1) salinan Pasport/Kad Pengenalan penual/pelupus;
dan

26.5 Satu (1) salinan surat kelulusan FIC terdahulu.

X. KEPUTUSAN FIC

27. FIC akan memberi keputusan ke atas semua permohonan yang lengkap dalam tempoh 24 jam waktu bekerja bagi perolehan unit kediaman, unit komersil dan hartanah industri oleh kepentingan asing dan 10 hari bekerja bagi perolehan hartanah yang lain.

XI. ALAMAT SURAT-MENYURAT DAN PERTANYAAN

28. Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada :-

Setiausaha,
Jawatankuasa Pelaburan Asing,
Unit Perancang Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras – 1, Blok B5,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
65202 Putrajaya, Malaysia.

29. Sebarang kemusykilan boleh diajukan kepada kepada Urusetia FIC :-

No. Tel. : 603-888 333/2944/2916
No. Faks : 603-8888 3917

30. Garis Panduan ini juga boleh didapati di web unit Perancang Ekonomi :-

Laman Web : <http://www.epu.jpm.my>